



Anwar bersama Ahmad Zahid pada Majlis Perasmian Hari Peneroka FELDA 2024 peringkat kebangsaan di MAEPS Serdang, semalam. (Foto Eizairi Shamsudin/BH)

FELDA bukan tempat cetuskan perpecahan

Anwar ajak warga peneroka tunjuk teladan baik, hayati semangat penghijrahan Rasulullah

Oleb Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Serdang: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan warga peneroka agar tidak menjadikan kawasan tanah rancangan FELDA sebagai tempat yang mencetuskan perpecahan, benci-membenci dan unsur perseteruan dalam kalangan warganya.

Perdana Menteri sebaliknya menegaskan mahu melihat FELDA menunjukkan teladan yang baik, termasuk dari segi tatakelola supaya dapat memberi contoh terbaik kepada semua.

Untuk tujuan itu, beliau mengajak warga FELDA menghayati semangat penghijrahan Nabi Muhammad SAW dari Makkah ke Madinah bagi membawa perubahan dalam komuniti.

"FELDA perlu menjadi contoh terbaik orang Islam dan bukan Islam. Kita pindah ke komuniti baharu, ummah baharu kena jadi contoh.

"Ini baru keperibadian masyarakat Islam, bukan bangun untuk menyerang atau memaki hamun orang, tetapi bangun untuk mem-

perbaiki diri, perbaiki masyarakat dan ummah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan sambutan Hari Peneroka FELDA 2024 peringkat kebangsaan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang di sini, semalam.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Pada masa sama, Anwar memberi peringatan kepada penguurusan FELDA dan sesiapa sahaja terkait dengan agensi rancangan tanah itu agar tidak terjebak dengan salah laku dan rasuah.

Perdana Menteri menegaskan, tidak teragak-agak mengarahkan agensi penguat kuasa undang-undang seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk melakukan siasatan terhadap FELDA.

Masa sama, beliau juga mahu Ketua Audit Negara mengambil tindakan serupa terhadap FELDA, seandainya penguurusan agensi milik kerajaan itu terbit salah laku wang rakyat.

"Sebab itu (dalam) Laporan Ketua Audit Negara (LKAN), saya kata Ketua Audit (Negara), SPRM jalankan kerja. Jangan kira siapa termasuk ke atas FELDA (sekali pun).

"FELDA pun saya beri peringatan (agar tidak terjebak salah laku). Siapa salah jaga! Tindakan akan diambil. Kita lakukan ini sebab nak selamatkan rakyat dan negara ini. Itu soalnya," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Men-

teri berharap penguurusan yang bukan mewakili lembaga pengarah dilantik dalam kalangan mereka yang cekap untuk menguruskan hal ehwal dana, contohnya dalam koperasi FELDA.

Anwar turut menegaskan tidak mahu tender berkait FELDA diuruskan atau diberikan kepada anak, menantu atau kroni.

Beliau mengakui ada pihak yang tidak berpuas hati bahkan berang dengan tindakannya kerana tidak bertolak ansur dengan perbuatan salah laku, namun ia langsung bukan penghalang kepada Kabinet untuk membersihkan penyelewengan.

"Ini tanggungjawab kita. Kadang-kadang operasi koperasi itu penting sebab kadang-kadang lembaga pengarah pilih orang tidak tahu dalam penguurusan dana sehingga tidak diuruskan secara cekap.

"Kalau tentang semua tender kerajaan termasuk FELDA, FGV dan koperasi, biar betul-betul telus supaya jangan ada usaha menyakau wang rakyat.

"Saya faham kenyataan ini tidak popular, tetapi saya ada tanggungjawab. Dalam beberapa tahun (pentadbiran Kerajaan Perpaduan), kita nak pastikan satu sistem perubahan.

"Hijrah betul-betul dari segi pemikiran dan pelaksanaan kita. Pastikan penguurusan cekap. Siapa kata negara tidak ada wang? Tapi (sebenarnya) hilang, (kena) bayar hutang banyak, beban tinggi, kontrak hilang ratusan juta. Saya minta SPRM siasat habis-habisan badan amanah," katanya.